

**FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI CARA BERPAKAIAN  
DI KALANGAN PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI, JOHOR.**

**KEK TZE YING**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS♦

**JUDUL: FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI CARA BERPAKAIAN DI KALANGAN PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya KEK TZE YING  
(HURUF BESAR)

menguku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

159 - 3 - 11 JALAN SUNGAI PINANG,  
10150 PULAU PINANG.

PN. ROHANA BINTI HAMZAH  
Nama Penyelia

Tarikh: 4 Mac 2004

Tarikh: 4 MAC 2004

- CATATAN:
- \* Potong yang tidak berkenaan.
  - \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
  - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup).”

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Penyelia : PN. ROHANA BINTI HAMZAH

Tarikh : \_\_\_\_\_

**FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI CARA BERPAKAIAN  
DI KALANGAN PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI, JOHOR.**

**KEK TZE YING**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)

Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

MAC, 2004

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Penulis : KEK TZE YING

Tarikh : \_\_\_\_\_

Untuk ayah dan ibu yang dihormati dan dikasihi.

Untuk kakak dan adik yang disayangi.

Sesungguhnya pengorbananmu menambahkan lagi ikatan kekeluargaan sesama kita.

## **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas setinggi-tingginya kepada penyelia Projek Sarjana Muda, Pn. Rohana Binti Hamzah atas kesudian beliau meluangkan masa untuk memberikan bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan sepanjang tempoh penyelidikan Projek Sarjana Muda ini.

Ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada Penolong Pendaftar Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Pn. Khairani Bte Ibrahim dan Pensyarah UTM Pn. Hajah Noraini yang telah memberi pandangan mereka mengenai soal selidik yang digunakan dalam penyelidikan ini kepada penulis.

Penghargaan turut ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan serta pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha melaksanakan projek ini. Segala sokongan, kerjasama dan tunjuk ajar yang diberikan oleh semua pihak di atas amat penulis hargai.

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu tinjauan untuk meninjau faktor-faktor mempengaruhi cara berpakaian pelajar Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Kajian deskriptif ini mengkaji jenis-jenis pakaian yang dipakai oleh pelajar serta 4 faktor yang mempengaruhi cara berpakaian pelajar iaitu faktor kewangan, rakan sebaya, budaya dan fesyen. Sampel kajian adalah 327 orang pelajar. Instrumen kajian adalah soal selidik yang terbahagi kepada 3 bahagian. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif iaitu min. Kajian mendapati baju kurung merupakan pakaian yang paling digemari oleh responden perempuan untuk menghadiri kuliah dan aktiviti formal universiti manakala responden lelaki gemar memakai kemeja 'T' berkolar semasa menghadiri kuliah dan baju kemeja bersama dengan seluar '*slack*' semasa menghadiri aktiviti formal universiti. Pengaruh faktor kewangan kepada cara berpakaian pelajar adalah pada tahap tinggi. Tahap pengaruh faktor rakan sebaya, budaya dan fesyen pada tahap sederhana sahaja. Faktor kewangan adalah faktor yang paling mempengaruhi cara berpakaian pelajar daripada keempat-empat faktor tersebut. Kaum Cina paling terpengaruh oleh faktor kewangan manakala kaum India lebih terpengaruh oleh faktor rakan sebaya dan budaya. Faktor kewangan, rakan sebaya dan budaya lebih mempengaruhi responden perempuan manakala faktor fesyen lebih mempengaruhi responden lelaki. Responden bujang lebih terpengaruh oleh faktor budaya dan responden yang sudah berkahwin terpengaruh oleh faktor kewangan dan fesyen. Faktor kewangan, rakan sebaya dan budaya lebih mempengaruhi responden yang berumur 25-27 tahun manakala faktor fesyen dan rakan sebaya lebih mempengaruhi responden berumur 28-30 tahun.

## ABSTRACT

The purpose of the research is to survey of the factors influence the way of dressing among the student in Faculty of Education University Technology Malaysia, Skudai, Johor. Method of the research is descriptive. The objectives of this research are to observe the variety of clothes wore by students and 4 factors which are finance, friends, culture and fashions that influence the way of students' dressing. The samples of the research are 327 students. The research uses a set of questionnaire that has 3 parts as the research instrument. Data collected analysed by mean. The research shows that baju kurung is the most popular clothes that girl students like to wear to attend lecture and the formal activities in university. The male students like to wear T-shirt with collar to attend lecture and wear men's shirt with slack trouser to attend the formal activities in university. The influence of finance factor to the way of students' dressing is in the high level. The influence of friends, culture and fashions factors are in the medium level. Finance factor is the most effective factor among the others that influence the way of students' dressing. The Chinese students more influenced by finance factor and the Indian students more influenced by friends and culture factors. Finance, friends and culture factors fairly influence the females' respondents and the fashions factor fairly influence the males' respondents. The respondents who still single more influenced by culture factor and the respondents who had married more influenced by finance and fashions factors. Finance, friends and culture factors fairly influence the respondents who are aged between 25 to 27 and fashions and friends factors fairly affect the respondents who are aged 28 to 30.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Batasan Kajian	7
	1.8 Kerangka Kajian	7
	1.9 Definisi Kajian	8
	1.10 Penutup	10

**BAB II            SOROTAN PENULISAN**

2.1	Pengenalan	12
2.2	Tatacara Pakaian Pelajar UTM	14
2.3	Faktor Kewangan	16
2.4	Faktor Rakan Sebaya	17
2.5	Faktor Budaya	18
2.6	Faktor Fesyen	21
2.7	Penutup	22

**BAB III            METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	24
3.2	Reka Bentuk Kajian	24
3.3	Tempat Kajian	25
3.4	Populasi Kajian	25
3.5	Instrumen Kajian	26
3.6	Kajian Rintis	28
	3.6.1 Kesahan	28
	3.6.2 Kebolehpercayaan	29
3.7	Prosedur Kajian	30
3.8	Analisis Data	31
3.9	Penutup	33

**BAB IV            ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	34
-----	------------	----

4.2	Persoalan Kajian Pertama: Apakah faktor demografi iaitu kaum, jantina, status perkahwinan dan umur pelajar Fakulti Pendidikan UTM?	35
4.2.1	Kaum	35
4.2.2	Jantina	36
4.2.3	Status Perkahwinan	37
4.2.4	Umur	38
4.3	Persoalan Kajian Kedua: Apakah jenis pakaian yang dipakai untuk menghadiri kuliah dan aktiviti formal universiti?	39
4.3.1	Responden Perempuan	39
4.3.2	Responden Lelaki	42
4.4	Persoalan Kajian Ketiga: Apakah tahap pengaruh kewangan terhadap cara berpakaian pelajar?	44
4.5	Persoalan Kajian Keempat: Apakah tahap pengaruh rakan sebaya terhadap cara berpakaian pelajar?	46
4.6	Persoalan Kajian Kelima: Apakah tahap pengaruh budaya terhadap cara berpakaian pelajar?	47
4.7	Persoalan Kajian Keenam: Apakah tahap pengaruh fesyen terhadap cara berpakaian pelajar?	48
4.8	Persoalan Kajian Ketujuh: Apakah faktor yang sangat mempengaruhi cara berpakaian pelajar?	49
4.9	Persoalan Kajian Kelapan: Adakah terdapat perbezaan faktor yang mempengaruhi cara berpakaian pelajar berdasarkan kaum?	50
4.9.1	Faktor Kewangan	50
4.9.2	Faktor Rakan Sebaya	51
4.9.3	Faktor Budaya	51

4.9.4	Faktor Fesyen	52
4.10	Persoalan Kajian Kesembilan: Adakah terdapat perbezaan faktor yang mempengaruhi cara berpakaian berdasarkan jantina?	52
4.11	Persoalan Kajian Kesepuluh: Adakah terdapat perbezaan faktor yang mempengaruhi cara berpakaian berdasarkan status perkahwinan?	53
4.12	Persoalan Kajian Kesebelas: Adakah terdapat perbezaan faktor yang mempengaruhi cara berpakaian berdasarkan umur?	54
4.12.1	Faktor Kewangan	54
4.12.2	Faktor Rakan Sebaya	55
4.12.3	Faktor Budaya	55
4.12.4	Faktor Fesyen	56

## **BAB V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	57
5.2	Rumusan	57
5.2.1	Rumusan Faktor Demografi	57
5.2.2	Rumusan Persoalan Kajian	58
5.3	Perbincangan	59
5.3.1	Faktor Demografi	59
5.3.2	Tatacara Pakaian Pelajar UTM	60
5.3.3	Faktor Kewangan	62
5.3.4	Faktor Rakan Sebaya	64
5.3.5	Faktor Budaya	65
5.3.6	Faktor Fesyen	67
5.3.7	Faktor Yang Sangat Mempengaruhi Cara Berpakaian Pelajar	68

5.3.8	Perbezaan Faktor Yang Mempengaruhi Cara Berpakaian Pelajar Berdasarkan Kaum	68
5.3.9	Perbezaan Faktor Yang Mempengaruhi Cara Berpakaian Pelajar Berdasarkan Jantina	69
5.3.10	Perbezaan Faktor Yang Mempengaruhi Cara Berpakaian Pelajar Berdasarkan Status Perkahwinan	70
5.3.11	Perbezaan Faktor Yang Mempengaruhi Cara Berpakaian Pelajar Berdasarkan Umur	70
5.4	Cadangan	71
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	72
	<b>RUJUKAN</b>	74
	<b>LAMPIRAN</b>	
	Lampiran A – F	80 - 96

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Taburan populasi kajian pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan UTM, Skudai, Johor sesi 2003/2004	26
3.2	Pengelasan faktor-faktor dalam instrumen kajian	27
3.3	Skala lima mata di bahagian C soal selidik	28
3.4	Statistik yang digunakan dalam penganalisa data	32
3.5	Markat skala penyelidik	32
4.1	Bilangan borang soal selidik yang diedarkan dan dikembalikan	34
4.2	Kekerapan dan peratusan responden mengikut kaum	35
4.3	Kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina	36
4.4	Kekerapan dan peratusan responden mengikut status perkahwinan	37
4.5	Kekerapan dan peratusan responden mengikut umur	38
4.6	Jenis-jenis pakaian yang dipakai oleh responden perempuan untuk menghadiri kuliah dan aktiviti formal universiti	41
4.7	Jenis-jenis pakaian yang dipakai oleh responden lelaki untuk menghadiri kuliah dan aktiviti formal universiti	42
4.8	Pengaruh kewangan terhadap cara berpakaian pelajar	44
4.9	Pengaruh rakan sebaya terhadap cara berpakaian pelajar	46
4.10	Pengaruh budaya terhadap cara berpakaian pelajar	47
4.11	Pengaruh fesyen terhadap cara berpakaian pelajar	48
4.12	Faktor yang mempengaruhi cara berpakaian pelajar	49

4.13	Faktor kewangan yang mempengaruhi cara berpakaian responden berdasarkan kaum	50
4.14	Faktor rakan sebaya yang mempengaruhi cara berpakaian responden berdasarkan kaum	51
4.15	Faktor budaya yang mempengaruhi cara berpakaian responden berdasarkan kaum	51
4.16	Faktor fesyen yang mempengaruhi cara berpakaian responden berdasarkan kaum	52
4.17	Perbezaan faktor yang mempengaruhi cara berpakaian pelajar berdasarkan jantina	52
4.18	Perbezaan faktor yang mempengaruhi cara berpakaian pelajar berdasarkan status	53
4.19	Faktor kewangan yang mempengaruhi cara berpakaian responden berdasarkan umur	54
4.20	Faktor rakan sebaya yang mempengaruhi cara berpakaian responden berdasarkan umur	55
4.21	Faktor budaya yang mempengaruhi cara berpakaian responden berdasarkan umur	55
4.22	Faktor fesyen yang mempengaruhi cara berpakaian responden berdasarkan umur	56

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Kajian	8
3.1	Prosedur Kajian	30
4.1	Taburan responden mengikut kaum	36
4.2	Taburan responden mengikut jantina	37
4.3	Taburan responden mengikut status perkahwinan	38
4.4	Taburan responden mengikut umur	39
4.5	Jenis pakaian dipakai oleh responden perempuan semasa menghadiri kuliah dan aktiviti formal universiti	40
4.6	Jenis pakaian dipakai oleh responden lelaki semasa menghadiri kuliah dan aktiviti formal universiti	43

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang soal selidik	80
B	Surat akuan pelajar daripada Fakulti Pendidikan	88
C	Surat permohonan maklumat pendaftaran pelajar	89
D	Surat pengesahan instrumen kajian	91
E	Jadual Penetapan Bil Sampel Kajian Krejcie, R.V & Morgan, D.W.	95
F	Kajian Rintis (Kebolehpercayaan)	96

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, usaha pendidikan adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berakhlak mulia, rakyat perlulah memiliki tingkah laku yang bersopan santun, berdisiplin dan bersepadu, dan mengamalkannya dalam kehidupan harian. Oleh itu, sebagai bakal-bakal guru, mereka haruslah mendisiplinkan diri supaya menjadi satu teladan yang baik kepada pelajar apabila mengajar di sekolah pada masa hadapan. Amalan berpakaian bakal-bakal guru sepatutnya tidak mencolok mata atau terlalu ketat supaya pengaruh negatif kepada pelajar dapat dikurangkan.

Di samping itu, dalam kod etika profesion keguruan, terdapatnya tatasusila profesion keguruan yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan dan merupakan landasan dan garis panduan untuk setiap guru menjaga imej profesionnya (Mok Soon Sang, 2002). Salah satu tatasusila iaitu tanggungjawab terhadap pelajar, guru harus menunjukkan suatu cara berpakaian, pertuturan dan tingkah laku yang dapat memberikan contoh yang baik kepada pelajar. Oleh itu, cara berpakaian seorang guru sangat penting dan perlu diambil berat oleh semua bakal guru dan guru.

Seperti mana yang kita tahu, terdapatnya baju uniform sekolah rendah dan menengah yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan setiap pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah wajib memakainya semasa waktu pelajaran sekolah. Di peringkat universiti, mahasiswa dan mahasiswi tidak perlu lagi memakai baju uniform sekolah, maka wujudnya masalah dalam amalan berpakaian mereka. Oleh itu, pihak universiti menguatkuasakan Tatacara Pakaian yang berfungsi sebagai garis panduan bagi para mahasiswa dan mahasiswi agar sentiasa berpakaian kemas.

Dalam Hierarki Maslow, Keperluan asas manusia termasuklah makanan, pakaian dan tempat perlindungan yang merupakan salah satu elemen yang penting iaitu keperluan fisiologi manusia. Menurut Gohl and Vilensky (1988), pakaian boleh dianggap sebagai 'kulit luar yang istimewa'. Pakaian merupakan alat penting dalam kehidupan harian individu. Pakaian memainkan peranan yang sangat penting di dalam menentukan keperibadian seseorang individu. (Ahmad Fawzi dan Mokhtar, 2001) Pakaian menyerupai sebuah cermin yang menunjukkan imej seseorang individu dan akan meninggalkan kesan dalam ingatan orang lain.

Personaliti atau imej yang baik dapat membantu seseorang dipandang segak dan menarik. Seseorang yang berpersonaliti dapat menarik perhatian umum dan selalunya berjaya dalam apa saja bidang yang diceburinya (Fatimah, 1992). Penampilan diri sebagai seorang profesional sering dikaitkan dengan imej yang ditunjukkannya kepada orang ramai. Cara berpakaian seorang profesional secara langsungnya akan mempengaruhi tahap kepercayaan masyarakat terhadap sesuatu bidang profesion.

Fungsi-fungsi pakaian adalah seperti cermin personaliti seseorang individu, menonjolkan identitinya, memberi perlindungan dan lain-lain lagi. Dalam kehidupan sosial, seseorang individu itu dikehendaki berpakaian seperti mana yang dikehendaki oleh unit sosialnya. Untuk menunjukkan imej dalam sesuatu bidang profesion, seseorang individu perlu berpakaian sesuai dengan bidang profesionnya dalam pengendalian kehidupan profesional. Walau bagaimanapun, seseorang individu

perluah berpakaian sopan dan tidak melanggar batas budaya masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Memandangkan para mahasiswa dan mahasiswi kurang mengambil berat terhadap penampilan mereka dalam kampus universiti, tahap kepercayaan masyarakat terhadap graduan-graduan universiti akan terjejas. Hal ini akan menjadi lebih serius lagi sekiranya berlaku kepada bakal-bakal guru iaitu pelajar-pelajar di Fakulti Pendidikan. Guru mempunyai pengaruh yang begitu kuat sekali terhadap pelajar-pelajar. Para pelajar akan terpengaruh oleh gaya penampilan diri seorang guru sekiranya guru tersebut memakai pakaian yang kurang sesuai atau terlalu mengejar fesyen-fesyen terkini.

Sebagai seorang pelajar universiti yang tidak mempunyai pendapatan dan kebanyakan sumber kewangan adalah daripada ibu bapa, biasiswa atau pinjaman-pinjaman, mereka perluah bijak menggunakan wang semasa memilih pakaian. Menurut Jariah (1987), perbelanjaan pakaian akan meningkat apabila pendapatan bertambah. Pemuda-pemudi kini sanggup dan mampu membeli pakaian dengan harga yang mahal asalkan pilihan mereka mempunyai kualiti dan gaya penampilan yang menarik (Razali, 1994). Hal ini amat membimbangkan kerana mereka sepatutnya perlu lebih menumpukan sumber kewangan mereka kepada keperluan pelajaran.

Cara berpakaian pelajar juga dipengaruhi oleh rakan sebaya. Menurut Habibah dan Noran Fauziah (1997), pengaruh rakan sebaya begitu ketara di peringkat remaja sehingga ibu bapa sendiri ditolak untuk dijadikan model bagi mereka menentukan identiti mereka. Kumpulan yang begitu rapat dan persamaan dari segi pakaian dan gerak-geri dalam kumpulan sebaya remaja sebenarnya ialah helah bela diri terhadap kekeliruan identiti (Erikson, 1963 dalam Habibah dan Noran Fauziah, 1997).

Di samping itu, faktor kebudayaan juga mempengaruhi amalan berpakaian seseorang individu. Menurut Abdul Samad (1990), pakaian amat erat hubungannya dengan kebudayaan sesuatu bangsa. Melalui bentuk pakaian yang dipakai, orang mudah menentukan bangsa dan negara yang diwakilinya. Pakaian melambangkan identiti kebangsaannya yang menggambarkan corak kepelbagaian ciri-ciri budayanya. Malaysia merupakan negara yang berbilang kaum dan penduduk mempunyai kepercayaan dan kebudayaan yang berbeza. Setiap kaum mempunyai gaya dan stail berpakaian tersendiri. Kebanyakan kaum Melayu wanita lebih gemar memakai baju kurung yang memaparkan kesopanan dan kesederhanaan.

Cara berpakaian pelajar yang kurang sesuai ini menunjukkan bahawa para pelajar UTM tidak bersiap sedia untuk melangkah ke alam kerjaya atau professional masing-masing dengan ketrampilan diri yang baik serta terpuji. Keadaan ini bukan sahaja boleh menjejaskan imej para pelajar itu sendiri, malah menjejaskan nama baik pihak universiti. Mahasiswa dan mahasiswi merupakan bakal pemimpin haruslah menitikberatkan penampilan diri supaya sesuai dengan bidang profesion mereka dan tidak hanya semata-mata mengejar trend-trend terkini.

Oleh itu, faktor-faktor yang mempengaruhi cara berpakaian pelajar-pelajar universiti perlu dikaji untuk mendapat satu gambaran yang jelas terhadap penampilan kebanyakan bakal-bakal guru sebelum menjejak kaki mereka ke sekolah.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Guru mempunyai pengaruh yang begitu kuat sekali terhadap pelajar-pelajar. Para pelajar akan terpengaruh oleh gaya penampilan diri seorang guru sekiranya guru tersebut memakai pakaian yang kurang sesuai atau terlalu mengejar fesyen-fesyen terkini. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji ingin mengkaji cara berpakaian pelajar Fakulti Pendidikan UTM di Skudai, Johor berdasarkan faktor kewangan, rakan sebaya, budaya dan fesyen.

## **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian am ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi cara berpakaian di kalangan pelajar Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia.

Objektif kajian khusus yang disasarkan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah untuk:

- 1.4.1 Menenalpasti faktor demografi iaitu kaum, jantina, status perkahwinan dan umur pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- 1.4.2 Menenalpasti jenis pakaian yang dipakai oleh pelajar semasa menghadiri kuliah dan aktiviti formal universiti.
- 1.4.3 Menenalpasti tahap pengaruh faktor kewangan terhadap cara berpakaian pelajar.
- 1.4.4 Menenalpasti tahap pengaruh faktor rakan sebaya terhadap cara berpakaian pelajar.
- 1.4.5 Menenalpasti tahap pengaruh faktor budaya terhadap cara berpakaian pelajar.
- 1.4.6 Menenalpasti tahap pengaruh faktor fesyen terhadap cara berpakaian pelajar.
- 1.4.7 Menenalpasti faktor yang sangat mempengaruhi cara berpakaian pelajar.
- 1.4.8 Menenalpasti perbezaan faktor yang mempengaruhi cara berpakaian berdasarkan kaum, jantina, status perkahwinan dan umur.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian yang disasarkan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah:

- 1.5.1 Apakah faktor demografi iaitu kaum, jantina, status perkahwinan dan umur pelajar Fakulti Pendidikan UTM?

- 1.5.2 Apakah jenis pakaian yang dipakai oleh pelajar untuk menghadiri kuliah dan aktiviti formal universiti?
- 1.5.3 Apakah tahap pengaruh kewangan terhadap cara berpakaian pelajar?
- 1.5.4 Apakah tahap pengaruh rakan sebaya terhadap cara berpakaian pelajar?
- 1.5.5 Apakah tahap pengaruh budaya terhadap cara berpakaian pelajar?
- 1.5.6 Apakah tahap pengaruh fesyen terhadap cara berpakaian pelajar?
- 1.5.7 Apakah faktor yang sangat mempengaruhi cara berpakaian pelajar?
- 1.5.8 Adakah terdapat perbezaan faktor yang mempengaruhi cara berpakaian pelajar berdasarkan kaum?
- 1.5.9 Adakah terdapat perbezaan faktor yang mempengaruhi cara berpakaian pelajar berdasarkan jantina?
- 1.5.10 Adakah terdapat perbezaan faktor yang mempengaruhi cara berpakaian pelajar berdasarkan status perkahwinan?
- 1.5.11 Adakah terdapat perbezaan faktor yang mempengaruhi cara berpakaian pelajar berdasarkan umur?